

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN


(SOALAN NO. 11 HINGGA NO. 51)

5 NOV 2015

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 10)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**



PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

TARIKH : 5.11.2015

SOALAN :

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha terbaru Kementerian dalam mempergiatkan budaya intergrasi nasional dan perpaduan dalam pendidikan di peringkat sekolah rendah dan menengah.

JAWAPAN

Tuan Yang di, Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mempergiatkan budaya integrasi nasional dan perpaduan dalam pendidikan di peringkat sekolah rendah dan menengah. Usaha terbaharu adalah inisiatif pengukuhan perpaduan di sekolah melalui kurikulum terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Inisiatif ini dilaksanakan dengan menerapkan konstruk perpaduan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Konsep perpaduan dalam kandungan kurikulum mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral diperkembangkan melalui tajuk atau tema yang ada kaitan dengan perpaduan. Tajuk atau tema yang diajar bukan sahaja

perlu memberi tumpuan pada kandungan tetapi hendaklah dikaitkan dengan konstruk perpaduan. Ini bermakna murid bukan sahaja boleh menguasai kandungan dan disiplin ilmu mata pelajaran berkaitan, tetapi murid juga diajar untuk memahami konstruk perpaduan serta menghayati dan mengamalkannya.

Bagi tujuan tersebut KPM sedang dalam penggubalan sebuah buku panduan iaitu '***Buku Panduan Pelaksanaan Perpaduan Melalui Mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam Kurikulum***'. Buku Panduan ini akan digunakan oleh guru Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral untuk merancang pengajaran dan pembelajaran dengan menerapkan elemen perpaduan.

Satu lagi aktiviti utama bagi meningkatkan perpaduan adalah menerapkan program Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) semasa aktiviti kokurikulum di luar bilik darjah serta penerapan nilai perpaduan merentas kurikulum semasa pengajaran dan pembelajaran. Untuk makluman, kajian perpaduan telah dijalankan dan mendapati secara keseluruhan indeks perpaduan dalam kalangan guru dan murid adalah erat.

Seterusnya bagi memastikan perpaduan dan intergrasi nasional dapat ditingkatkan, KPM telah mengadakan makmal bagi menyediakan Pelan Hala Tuju Perpaduan pada akhir Oktober ini dan melibatkan pelbagai kumpulan pendidik, persatuan dan organisasi bukan kerajaan.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN GOBIND SINGH DEO
KAWASAN : PUCHONG
TARIKH : 5 NOVEMBER 2015, KHAMIS

SOALAN:

YB. TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah trafik di Kawasan Taman Equine Puchong dan bilakah ianya akan mula dan jangka siap.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah kesesakan trafik di Seri Kembangan (termasuk kawasan Equine Park) akan dapat dikurangkan apabila projek persimpangan bertingkat yang baharu dari Seri Kembangan ke Lebuhraya Kuala Lumpur – Putrajaya (MEX) disiapkan pada akhir tahun ini.

Pada masa kini kemajuan fizikal projek tersebut telah mencapai status 85% siap. Projek ini apabila disiapkan kelak akan memberikan manfaat kepada lebih 150,000 kenderaan yang melalui kawasan berkenaan. Kos pembinaan projek persimpangan bertingkat jenis 'trumpet' itu ialah sebanyak RM112 juta.

Untuk jangka panjang pula, kementerian ini turut merancang untuk menaik taraf Jalan Putra Permai (FT3215), Seri Kembangan kepada laluan 6 lorong 2 hala dan cadangan membina 5 persimpangan bertingkat di sepanjang laluan berkenaan. Anggaran kos projek ini ialah RM400 juta dan ia telah dipohon untuk kelulusan Agensi Pusat dalam RMKe-11 (2016 – 2020).

Sekian. Terima kasih.